

NO. SOALAN : 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]
TARIKH : 17 MEI 2016
RUJUKAN : 8963

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Menteri Dalam Negeri telah melanggar undang-undang apabila beliau memberi kebenaran kepada majikan-majikan untuk mengaji pekerja-pekerja asing tanpa izin (illegal foreign workers) yang berada di negara kita.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Program Penggajian dan Penempatan Semula (Program *Rehiring*) telah dilaksanakan secara atas talian melalui portal *rehiring.imi.gov.my* bermula pada 15 Februari 2016 sehingga 30 Jun 2016 bagi PATI dari 15 negara sumber sedia ada.

Program ini yang dilaksanakan di seluruh Semenanjung Malaysia adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada PATI yang bekerja secara haram di Malaysia dan memenuhi kriteria yang ditetapkan di bawah program ini untuk diberikan permit kerja yang sah bagi memenuhi sektor pekerjaan yang dibenarkan.

Selain itu, Program ini juga merupakan salah satu inisiatif bagi membolehkan Kerajaan mengetahui jumlah PATI dalam Negara bagi tujuan pemantauan dan memenuhi keperluan senario keselamatan semasa serta memenuhi permintaan majikan untuk mengisi keperluan pekerja di sektor pekerjaan yang dibenarkan sahaja.

Kerajaan mengenakan syarat-syarat yang ketat terhadap PATI dan Majikan untuk menyertai Program *Rehiring* dan akan memastikan mana-mana PATI yang tidak layak akan dihantar

pulang ke Negara asal mengikut prosedur sedia ada bagi memastikan pengurangan lambakan PATI dalam Negara.

Untuk makluman Dewan, Jabatan Peguam Negara telah memberikan kelulusan berhubung pengecualian pendakwaan dan pengenaan penawaran kompaun terhadap majikan serta PATI yang mendaftar dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan Program *Rehiring*. Permohonan ini adalah melibatkan PATI yang melakukan kesalahan di bawah subseksyen 15(1)(c) Akta 155 iaitu kesalahan tanpa alasan yang munasabah didapati tinggal di Malaysia selepas setelah pas atau permit tamat tempoh. Sekiranya PATI ditangkap dan telah melakukan kesalahan atau jenayah selain di bawah subseksyen tersebut, maka tindakan undang-undang dan pendakwaan perlulah dijalankan seperti biasa.

Bagi menjelaskan parameter kuasa Menteri Dalam Negeri dalam perkara ini, Seksyen 4 Akta Imigresen 1959/63 menyatakan bahawa Menteri boleh dari semasa ke semasa memberi arahan-arahan berbentuk umum yang tidak berlawanan dengan Akta kepada Ketua Pengarah tentang menjalankan kuasa-kuasa dan arahan-arahan yang diberikan kepada Ketua Pengarah oleh, dan tugas-tugas yang dikehendaki supaya dijalankan oleh Ketua Pengarah di bawah Akta ini dalam hubungan dengan semua perkara yang pada pendapatnya menyentuh polisi imigresen Malaysia dan Ketua Pengarah hendaklah melaksanakan semua arahan tersebut.